



**GARIS PANDUAN PERTANDINGAN PIDATO
SEMPENA SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) 2015**

1. PENGENALAN

Pertandingan Pidato KPKT diadakan sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan KPKT 2015 sebagai salah satu *platform* bagi warga KPKT meluaskan penggunaan dan penguasaan dalam Bahasa Melayu untuk menyampaikan mesej secara lisan yang mengandungi idea, menghuraikan dan merumuskan secara berkesan melalui penyampaian pidato.

2. OBJEKTIF PERTANDINGAN

Objektif Pertandingan Pidato KPKT adalah :

- i. Meluaskan pengetahuan, penggunaan dan penguasaan Bahasa Melayu di kalangan warga KPKT;
- ii. Memantapkan kemahiran berkomunikasi dan memupuk semangat patriotisme; dan
- iii. Menjana daya saing secara positif disamping menyemarakkan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan di KPKT.

3. PENENTUAN TAJUK DAN TARIKH PERTANDINGAN

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Pidato Sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan KPKT 2015.

Saringan pertama peserta pertandingan akan diadakan pada penghujung bulan **September 2015** dan pertandingan akhir pidato akan di adakan pada **5 Oktober 2015** di One City Mall, Subang Jaya tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

Tema Pertandingan Pidato KPKT 2015 adalah “**Sehati Sejiwa**”.

Cabutan undi giliran pемidato akan diadakan sekurang-kurangnya **satu (1) minggu** sebelum pertandingan bermula.

Peserta yang telah memenangi Pertandingan Pidato KPKT pada tahun 2014 adalah tidak layak untuk mengambil bahagian.

4. SISTEM PERTANDINGAN

Pertandingan ini akan di adakan dalam Bahasa Melayu.

Peserta akan menyampaikan Pidato dengan menggunakan tema yang telah ditentukan iaitu “**Sehati Sejiwa**”. Sebanyak 2 kategori pertandingan akan diadakan iaitu:

- i. Kategori Umum ; dan
- ii. Kategori Bukan Melayu.

5. SKEMA PEMARKAHAN DAN PENOLAKAN PENYERTAAN

Setiap pemedato akan diberikan markah maksimum 100 markah berdasarkan kriteria berikut:

Pembahagian markah

a) Isi (30 markah)

Pemedato akan diadili dari segi pengutaraan isi-isi yang bernas, data-data yang tepat serta logik termasuk penghuraian.

b) Bahasa (20 markah)

Pemedato akan diadili dari segi penguasaan bahasa yang baik, jelas dan tepat (struktur dan sebutan) serta gaya yang berkesan iaitu tepat kepada maksud yang hendak disampaikan.

c) Penyampaian (40 markah)

Pemedato akan diadili dari segi persembahan yang lancar, kesesuaian nada serta persembahan yang menyakinkan penonton. Pemedato juga perlu menunjukkan gaya yang menarik dan susunan idea yang tertib.

d) Adab (5 markah)

Kritikan terhadap isu-isu sensitif seperti agama, bangsa, kebudayaan dan peribadi serta perlakuan atau tutur kata yang kurang sopan akan

menyebabkan kehilangan markah. Perlakuan peserta sepanjang pertandingan juga akan dinilai.

e) Markah Bonus (5 markah)

Pemidato akan dinilai daripada segi keseluruhan persembahan dan perwatakannya.

Skema pemarkahan adalah seperti di **Lampiran 1**.

Jika didapati dua (2) atau lebih peserta yang mendapat markah yang sama, maka pemenangnya akan ditentukan dengan mengambil kira kombinasi markah tertinggi bagi isi dan cara penyampaian dan jika masih ada lagi persamaan, hakim akan mengambil kira kombinasi markah bagi isi, cara penyampaian dan bahasa sebagai asas penentuan.

Urus setia berhak **MENOLAK** sebarang penyertaan yang melanggar peraturan dan mengubah sebarang syarat yang dirasakan perlu dari masa ke semasa.

Keputusan panel hakim adalah **MUKTAMAD** dan markah yang dicatatkan adalah sulit dan rahsia.

6. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- i. Pidato hendaklah disampaikan dalam Bahasa Melayu.
- ii. Pemandato-pemandato diberi masa **8 (lapan) minit** sahaja.
- iii. Loceng akan dibunyikan sekali pada awal minit pertama sebagai menandakan peserta sudah boleh memulakan pidato dan pada permulaan minit terakhir menandakan peserta mempunyai **SATU (1) minit lagi** untuk berpidato. Loceng akan dibunyikan dua kali bagi menandakan masa untuk berpidato sudah tamat. Sebarang penyampaian selepas loceng penamat dibunyikan tidak akan diberikan markah.
- iv. Pemandato-pemandato yang membaca nota-nota atau teks-teks mereka semasa berpidato akan dipotong markah.
- v. Kritikan terhadap isu-isu sensitif yang berkaitan dengan politik, agama, bangsa dan kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang adalah dilarang.
- vi. Penggunaan bahasa atau tutur kata yang kurang sopan adalah dilarang.
- vii. Pemandato-pemandato tidak dibenarkan menundingkan jari mereka atau menunjukkan genggam tangan mereka kepada penonton

untuk melahirkan emosi mereka atau menepuk meja semasa berpidato.

- viii. Panel hakim Pertandingan Pidato berhak menegur pemedato-pemidato yang melanggar peraturan-peraturan di atas. Peserta diwajibkan berpakaian kemas semasa pertandingan.

7. HADIAH PERTANDINGAN

Pemenang-pemenang bagi setiap kategori akan menerima pengiktirafan seperti berikut:

- i. Tempat Pertama : Wang Tunai RM 600.00, Piala dan Sijil Penghargaan
- ii. Tempat Kedua : Wang Tunai RM 400.00 dan Sijil Penghargaan
- iii. Tempat Ketiga : Wang Tunai RM 200.00 dan Sijil Penghargaan

8. TARIKH TUTUP PERTANDINGAN

Semua penyertaan hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran 2** dan perlu dikemukakan kepada pihak Urus setia selewat-lewatnya **pada 18 September 2015 (Jumaat) sebelum jam 5.00 petang.**

Permohonan yang diterima **selepas tarikh tutup tersebut akan tidak akan dipertimbangkan.**

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh menghubungi urus setia seperti berikut:

Puan Afiza binti Mohd Salleh Tel : 03-8891 5103
Email : afiza@kpkt.gov.my

Puan Dayana binti Md. Ali Tel : 03-8891 5102
Email : dayana.ali@kpkt.gov.my

**Encik Zulfadly bin Abdul
Hamid** Tel : 03-8891 5074
Email : zulfadly@kpkt.gov.my

Alamat :

**Urus Setia Pertandingan Pidato
Sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan KPKT 2015
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan,
Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa,
Aras 20, No 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA.**

E-mel : inovasi@kpkt.gov.my

No. Faks : 03-8891 3088

Lampiran 1

**SKEMA PEMARKAHAN PERTANDINGAN PIDATO
SEMPENA SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA KPKT 2015**

ASPEK YANG DINILAI		MARKAH (%)
1.	Isi	30
2.	Bahasa	20
3.	Penyampaian	40
4.	Adab	5
5.	Markah Bonus	5
JUMLAH		100



Borang Penyertaan Pertandingan Pidato KPKT 2015

(Tandakan) Kategori Umum Kategori Bukan Melayu

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Jabatan / Bahagian / Unit:

Alamat Pejabat:

No. Telefon (Pejabat):

No. Telefon Bimbit:

Alamat E-mel:

Pengesahan Peserta:

.....
()

Pengesahan Ketua Jabatan:

.....
()

Cop Jabatan